

10/02/1999

Usaha Malaysia mungkin diterima

MONTEGO BAY (Jamaica), Selasa - Malaysia akan menjadikan Sidang Kemuncak Ketua Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) sebagai tempat menggerakkan suara negara membangun berhubung perlunya tata cara kewangan antarabangsa diperbaiki.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata usaha Malaysia itu dijangka dipersetujui oleh semua 17 negara anggota G15 dalam sidang kemuncaknya yang akan berlangsung selama tiga hari di sini, mulai esok.

"Dengan persetujuan itu, G15 akan berusaha mendesak kumpulan negara maju supaya lebih komited terhadap usaha menangani masalah ekonomi sejagat yang berpunca daripada volatiliti aliran dana jangka pendek.

"Kita berharap, menerusi G15, negara membangun dapat sekurang-kurangnya berdialog dengan negara maju dalam sebarang tindakan yang diambil ke arah mengatasi permasalahan itu.

"Ini penting kerana walaupun saranan supaya sistem kewangan dunia itu diperbaiki sudah diterima, tiada siapa mengetahui apa yang harus dilakukan untuk menjayakannya," katanya di sini, hari ini.

Sidang kemuncak G15 didahului dengan Mesyuarat Menteri Luar dan Mesyuarat Menteri Perdagangan dan Ekonomi kumpulan itu, yang berlangsung semalam dan hari ini.

Sebelum itu, mesyuarat peringkat pegawai kanan sepakat dalam kebanyakan agenda yang diketengahkan sebagai persediaan kepada mesyuarat ketua negara.

Sidang kemuncak G15 kali ini dihadiri lapan ketua negara dan tiga timbalan ketua negara manakala anggota yang lain diwakili Menteri Luar dan Menteri Ekonomi masing-masing.

Delegasi Malaysia kali ini diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Selain Syed Hamid, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, turut hadir.

Perdana Menteri tiba di lapangan Terbang Antarabangsa Sangster, Montego Bay dengan pesawat khas, petang ini. Menyambut ketibaan beliau ialah Perdana Menteri Jamaica, PJ Patterson.

Menurut Syed Hamid, menerusi mobilisasi suara G15 itu, adalah diharapkan negara membangun diberi peluang untuk terbabit dalam sebarang keputusan yang akan diambil bagi memperbaiki tata cara kewangan dunia.

Beliau berkata, secara tidak langsung pembabitan itu akan memastikan bahawa sebarang langkah yang akan diambil tidak akan menyebabkan negara membangun menghadapi permasalahan baru.

"Ia juga dijangka dapat memberikan kita platform untuk terus menyuarakan bantahan terhadap kecenderungan negara maju untuk mengaitkan isu perdagangan dengan pelbagai aspek yang tidak relevan.

"Ia termasuk mengaitkan dagangan dengan perkara seperti isu buruh dan alam sekitar yang memang tidak dipersetujui negara membangun termasuk dari kalangan anggota G15," katanya.

(END)